



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI
TUN HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2006/07**

NAMA MATA PELAJARAN : PRINSIP PENGURUSAN
KOD MATA PELAJARAN : BPK 2052
KURSUS : 2 BIT
TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB **SEMUA** SOALAN DI BAHAGIAN
A DAN JAWAB **DUA (2)** SOALAN SAHAJA
DARIPADA LIMA (5) SOALAN DI
BAHAGIAN B

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 2 MUKA SURAT

BAHAGIAN A (50 markah)

Jawab **SEMUA** soalan

- S1 “Strategi pelaksanaan sistem maklumat yang diaplikasikan di sesebuah organisasi amat bergantung kepada hala tuju dan perancangan strategik di organisasi berkenaan.” Bincangkan pernyataan ini dengan menggunakan contoh organisasi pilihan anda. (25 markah)
- S2 Pengurusan sumber manusia yang efektif di sesebuah organisasi bermula dengan proses pemilihan yang teliti dan mantap ke atas kakitangan yang berpotensi dan dikenal pasti sebagai aset di sesebuah organisasi. Jelaskan proses pemilihan tersebut. (25 markah)

BAHAGIAN B (50 markah)

Arahan: Jawab **DUA** soalan sahaja

- S3 Pembentukan jabatan-jabatan di sesebuah organisasi bertujuan untuk memudahkan pelaksanaan tugas agar lebih fokus dan menyokong operasi teras organisasi. Lakar dan huraikan melalui gambar rajah **lima (5)** contoh pembentukan jabatan dalam organisasi. (25 markah)
- S4 Pengurusan strategik merupakan salah satu asas penting dalam menentukan kejayaan dan prestasi sesebuah organisasi. Jelaskan langkah-langkah yang terlibat dalam proses pengurusan strategik. (25 markah)
- S5 Kejayaan sesebuah organisasi turut berteraskan budaya yang diamalkan di organisasi berkenaan. Huraikan kenyataan di atas dengan menggunakan **tiga (3)** contoh berkaitan pembentukan budaya kerja dalam sesebuah organisasi. (25 markah)
- S6 Motivasi adalah elemen penting bagi menjamin kemakmuran sesebuah organisasi. Cadangkan dan huraikan **lima (5)** kaedah yang boleh diguna pakai oleh sesebuah organisasi untuk memotivasikan pekerjanya. (25 markah)